



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepc.com



CABARAN PEMBELAJARAN ABAD KE-21 DALAM KALANGAN
GURU NOVIS PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

*21ST CENTURY LEARNING CHALLENGES AMONG NOVICE TEACHERS OF
ISLAMIC EDUCATION IN MALAYSIA*

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim^{1*}, Nur Atikah Miasan², Yusmini Md. Yusoff³

¹ Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Email: tgsarina@um.edu.my

² Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Email: nuratikahmiasan@gmail.com

³ Jabatan Dakwah & Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Email: yusmini@um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 11.10.2020

Revised date: 26.10.2020

Accepted date: 11.11.2020

Published date: 03.12.2020

To cite this document:

Kasim, T. S. A. T., Miasan, N. A., & Md, Yusoff, Y. (2020). Cabaran Pembelajaran Abad Ke-21 dalam Kalangan Guru Novis Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 5 (37), 206-220.

DOI: 10.35631/IJEPC.5370017.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pembelajaran abad ke-21 menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar dan pembelajaran aktif yang mengubah peranan guru kepada pemudah cara. Guru bertindak untuk membantu pelajar menyelesaikan masalah yang diberikan kepada mereka sebagai proses pembelajaran. Oleh itu, guru memainkan peranan yang penting dalam menentukan hasil pembelajaran dapat dicapai. Walau bagaimanapun, kajian lepas mendapati pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 ternyata menyumbang kepada pelbagai bentuk cabaran kepada guru. Justeru, artikel ini membincangkan hasil kajian yang berjaya mengenalpasti bentuk cabaran yang dihadapi oleh guru novis dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21. Kajian telah dijalankan menggunakan reka bentuk kualitatif, secara temu bual semi berstruktur bersama 10 orang guru novis pendidikan Islam sekolah menengah. Dapatan kajian mendapati walaupun mereka berjaya mengaplikasikan pedagogi pembelajaran Abad ke-21, namun terpaksa berhadapan dengan beberapa bentuk cabaran. Dua bentuk cabaran yang dominan muncul sebagai tema untuk dibincangkan dalam artikel ini. Pertama, cabaran dalam memilih pendekatan pembelajaran dan kedua; cabaran untuk mengaplikasikan M-pembelajaran dengan efektif. Dapatan kajian memberi implikasi kepada para pendidik, terutamanya guru novis, untuk lebih memahami dan memiliki kemahiran abad ke-21 dengan lebih efektif agar mampu menyediakan generasi baharu yang berdaya saing dalam menghadapi kehidupan, seiring dengan perkembangan pesat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

Kata Kunci:

Pedagogi, Pembelajaran Abad ke-21, Kualitatif, Guru Novis Pendidikan Islam

Abstract:

21st-century learning emphasizes student-centered learning and active learning that transforms the role of teachers into facilitators. Teachers act to help students solve problems given to them as a learning process. Therefore, teachers play an important role in determining the learning outcomes that can be achieved. However, previous studies have found that the implementation of 21st-century learning has contributed to various forms of challenges for teachers. Thus, this article discusses the results of a study that successfully identifies the form of challenges faced by novice teachers in implementing 21st-century learning. The study was conducted using qualitative design, in a semi-structured interview with 10 novice teachers of Islamic education secondary school. The findings of the study found that although they successfully applied the pedagogy of 21st Century learning, they had to face several forms of challenges. Two dominant forms of challenge emerge as themes to be discussed in this article. First, the challenges in choosing a learning approach and second; challenges to apply M-learning effectively. The findings of the study have implications for educators, especially novice teachers, to better understand and possess 21st-century skills more effectively in order to be able to provide a new generation that is competitive in the face of life, in line with the rapid development of Information and Communication Technology (ICT).

Keywords:

Pedagogy, 21st century learning, qualitative, Novice Teachers of Islamic Education

Pengenalan

Malaysia telah memperkenalkan revolusi perindustrian keempat yang bermula pada akhir tahun 2017. Perubahan ini turut berkait rapat dengan sistem pendidikan negara yang perlu seiring dengan kehendak pasaran bagi melahirkan modal insan yang seimbang. Penguasaan kepada bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) telah diperhebatkan bagi menyahut cabaran industri 4.0, di mana kemahiran abad ke-21 mula dipandang serius oleh pelbagai pihak. Kemahiran abad ke-21 merupakan kemahiran yang amat diperlukan dalam pasaran kerja era revolusi 4.0, kerana segulung ijazah kini bukan lagi penentu bagi seseorang graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Sebaliknya, kemahiran abad ke-21 seperti kebolehan bekerja dalam persekitaran yang pelbagai, kemahiran komunikasi lisan dan tulisan yang berkesan, kemahiran berfikir secara kreatif, kritis dan analitikal, kepimpinan, kebolehan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, pengurusan masa dan kemahiran bekerja secara berkumpulan, akan dinilai oleh majikan. Justeru, semua kemahiran ini perlu diintegrasikan melalui sistem pendidikan yang efektif, bersesuaian dengan kerangka PAK-21 yang telah diperkenalkan dalam “*The Partnerships for 21st century skills*” untuk membimbing para pendidik menerapkan PAK-21 menerusi kurikulum (Joseph Bishop, 2015). Revolusi industri dan PAK-21 telah memberi impak yang besar dalam pelbagai bidang pendidikan, termasuklah bidang Pendidikan Islam. Guru Pendidikan Islam diminta untuk sentiasa bersedia dengan perubahan dalam pendekatan pembelajaran dan pemudah caraan (PdPc). Pedagogi

pengajaran Pendidikan Islam turut menerima perubahan bagi menyahut revolusi pendidikan 4.0 ini.

Pedagogi merujuk kepada kaedah dan prinsip pengajaran yang diamalkan oleh seseorang guru. Dalam PAK-21, guru berperanan sebagai pemudahcara untuk membimbing pelajar dalam menyelesaikan masalah (Cochrane, 2010). Oleh itu, guru perlu memilih pedagogi yang bersesuaian agar pelajar dapat mengembangkan pengetahuan mereka. Pedagogi guru akan mempengaruhi hasil pembelajaran pelajar dengan mengambil kira kriteria 4K yang melibatkan; i) komunikasi, ii) pemikiran kritis, iii) kolaboratif dan, iv) kreativiti. Setiap elemen ini perlu dirungkai dan diserap dalam silibus kurikulum pembelajaran semasa proses PdPc berlangsung (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Pembelajaran akan berlaku secara berterusan apabila guru dapat meningkatkan inkuiri pelajar hasil daripada pemilihan pedagogi dan strategi PdPc yang baik. Secara tidak langsung, proses bimbingan turut berlaku melebihi waktu PdPc di dalam kelas. Situasi ini membolehkan pelajar untuk saling berkolaborasi, berkomunikasi dan menjadi kreatif bagi mendapatkan hasil yang maksimum dalam proses pembelajaran mereka.

Justeru, pedagogi PAK-21 perlu difahami dan diaplikasi oleh semua guru, sama ada yang sudah berpengalaman mahupun guru novis yang baharu memulakan perkhidmatan pendidikan. Sebagai guru novis, mereka telahpun mendapat pendidikan yang mendalam mengenai opsyen pembelajaran mereka melalui kelayakan ikhtisas yang dimiliki melalui latihan khusus semasa menjalani kursus perguruan sama ada di Institut Pendidikan Guru mahupun universiti. Mereka telah didedahkan dengan kemahiran pedagogi yang berasaskan kepada pembelajaran PAK-21. Justeru, guru novis selayaknya telah mempunyai kefahaman kandungan dan pedagogi yang baik hasil latihan profesional yang telah diterima. Mereka perlu mencabar diri untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran, termasuklah dengan mengaplikasikan pelbagai bentuk teknologi dalam pendidikan agar dapat meraikan kehendak pelajar dan menarik minat mereka terhadap isi pelajaran yang ingin disampaikan.

Kajian Literatur

Dalam menempuh pembelajaran abad ke-21 (PAK21), guru dikehendaki mengaplikasikan pedagogi yang menggunakan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pembelajaran yang baharu, bersesuaian dengan era globalisasi dan teknologi maklumat. Guru juga dikehendaki mengaplikasikan pendidikan yang menjurus ke arah pelbagai bentuk kemahiran abad ke-21, antaranya seperti Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), yang mana telahpun diintegrasikan dalam pendidikan di luar negara seperti Amerika Syarikat dan England, iaitu sejak tahun 1970an lagi.

Walau bagaimanapun, kajian lepas mendapati guru yang melaksanakan pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran. Di sebalik beberapa kajian yang menunjukkan dapatan yang positif dalam kefahaman dan pelaksanaan guru mengenai PAK-21 (Siti Faizzatul Aqmal, Mohamad dan Razali, 2011; Norasmahani et al., 2015; Wan Ismail, Muhammad, Lubis, & Hamzah, 2016; Badrul Hisham & Mohd Nasruddin, 2016; Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017; Nurzarina & Roslinda, 2017; Mashira Yahaya et.al., 2019), kajian mereka turut mendapati beberapa bentuk cabaran dan masalah yang terpaksa dihadapi para pendidik. Dapatan kajian mereka menunjukkan cabaran berpunca daripada kurang pengetahuan dan pemahaman guru mengenai

kaedah pembelajaran yang dapat mengimplementasikan kemahiran pembelajaran abad ke-21 di dalam kelas. Sementara itu terdapat juga kajian yang mendapati guru menghadapi cabaran untuk menyesuaikan pendekatan pengajaran yang dipilih dengan tahap pemikiran pelajar yang berbeza (Che Noh, Omar, & Hussin, 2014; Norasmahani et al., 2015; Tengku Kasim, & Abdurajak, 2018; Nurzarina & Roslinda, 2017; Mashira Yahaya et al., 2019). Terdapat juga cabaran yang dikaitkan dengan kesediaan guru dalam melaksanakan PAK-21, kesediaan pelajar untuk menerima pembelajaran abad ke-21, kemudahan infrastruktur, kemudahan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam PAK-21, kemudahan sumber rujukan tambahan, penggunaan teknologi dan capaian internet dalam proses pembelajaran (Husni et al., 2018; Mashira et al., 2019).

Selain itu, kajian juga membuktikan walaupun pendekatan teknologi seperti m-pembelajaran yang menggunakan peranti mudah alih dalam kelas semakin mendapat tempat dalam kalangan pelajar mahupun tenaga pengajar di Malaysia, namun penggunaannya masih belum berkembang disebabkan beberapa faktor (Wan Mohd Khairul Firdaus et al., 2017). Antaranya ialah seperti kekurangan latihan, bimbingan dan pendedahan berkaitan penyediaan bahan bantu mengajar (Mohd Faez, Murihah, et al., 2016), aspek kesediaan teknikal (Maimun Aqsha, Wan Nurul Syuhada', et al., 2017) serta faktor kesesuaian isi pelajaran berdasarkan subjek pengajaran guru (Azlin Sharina et al., 2018).

Manakala bagi guru Pendidikan Islam pula, cabaran pelaksanaan PAK-21 berpunca daripada motivasi yang rendah dalam kalangan pelajar kerana menganggap proses pembelajaran sebagai suatu perkara yang membosankan (Zaiton & Hishamuddin, 2012). Selain itu, guru Pendidikan Islam juga didapati tidak mampu mengaitkan topik pembelajaran dengan persekitaran dan situasi yang berkaitan dengan kehidupan seharian pelajar (Fathiyah, Nor Hayati, Azimi, & Lukman, 2013; Zaiton & Najihah, 2015). Secara tidak langsung, dua faktor ini mempengaruhi minat pelajar untuk menyertai aktiviti semasa proses pembelajaran berlangsung.

Di sebalik kemajuan teknologi pendidikan, sorotan kajian lepas berkaitan kaedah yang kerap digunakan oleh guru Pendidikan Islam mendapati mereka kurang mengaplikasikan kemudahan teknologi dalam pengajaran, sebaliknya tetap memilih kaedah syarahan (Ab. Halim, Muhamad Faiz, & Kamarul Azmi, 2012) dan pengajaran bersifat tradisional (Mumtazul Fikri, 2011; Kamarul Azmi, 2013). Di samping itu, kajian juga mendapati sumber rujukan yang terhad turut mempengaruhi suasana pembelajaran yang membosankan apabila guru Pendidikan Islam kerap bergantung kepada sumber daripada buku teks sahaja sedangkan ia tidak dapat menampung peningkatan pembaharuan maklumat sesuai dengan peredaran zaman (Mohd Faez, Kalthom, Mohd Amin, Zetty Nurzuliana, & Murihah, 2016).

Sikap guru seperti kurang memberi perhatian terhadap kaedah-kaedah pengajaran yang kreatif dan terbaharu bersesuaian abad ke-21, tidak mengambil endah mengenai penggunaan IT semasa proses pengajaran juga memberikan implikasi yang mengecewakan dalam meneruskan gelombang pendidikan abad ke-21 (Gamal & Salwa, 2012). Dapatan ini disokong dengan hasil kajian oleh Khadijah et al. (2012) dan Kamarul Azmi, Nurliyana, dan Siti Fauziyani (2015). Kajian mereka membuktikan terdapat hubungan yang signifikan di antara peranan Guru Pendidikan Islam dengan motivasi pelajar dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan fleksibel, bersesuaian dengan Pendidikan abad ke-21. Hal ini menunjukkan bahawa pemilihan pedagogi, kaedah serta teknik pembelajaran dan pemudah caraan oleh GPI akan mempengaruhi motivasi dan hasil pembelajaran pelajar.

Manakala kajian berkaitan guru novis pula lebih menjurus kepada kebolehan mereka berbanding dengan guru yang berpengalaman. Sebagai contoh, Goh, Qismullah dan Wong (2017) telah mengenalpasti beberapa masalah dalam kompetensi pedagogi guru novis di Malaysia, iaitu kawalan bilik darjah, tingkahlaku pelajar, penyediaan pengajaran, pengetahuan mereka terhadap pedagogi, memahami keperluan pelajar dan juga kesedaran sebagai seorang guru. Wolff, Jarodzka dan Boshuizen (2017) pula membuat perbandingan di antara interpretasi guru novis dan guru yang berpengalaman terhadap pengurusan kelas yang bermasalah dengan memfokuskan kepada peranan guru novis dalam menangani masalah pengurusan kelas mereka. Orgoványi-Gajdos (2015), Oshrat-Fink (2014), dan Lokman et al. (2014) masing-masing mendapati bahawa guru novis mempunyai kesukaran dalam mengadaptasi apa yang telah dipelajari semasa berada dalam institusi latihan pendidikan guru ke dalam kelas yang sebenar. Seterusnya, di antara isu yang lain yang telah dibincangkan di dalam kajian Goh, Nor Shah dan Wong (2012) pula menyentuh mengenai 'tahap profesionalisme guru novis'.

Pendekatan Pembelajaran Abad Ke-21

Senario pembelajaran semasa masih terikat dalam ruang lingkup kelas yang tertutup serta berpusatkan guru. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia mencanangkan pendekatan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) yang menekankan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dan pembelajaran aktif yang mengubah peranan guru kepada pemudah cara. Guru bertindak untuk membantu pelajar menyelesaikan masalah yang diberikan kepada mereka sebagai proses pembelajaran. Pendekatan ini merujuk kepada proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, dan kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Analisis terhadap kajian-kajian lepas membuktikan bahawa pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dapat meningkatkan kualiti pembelajaran serta dapat menarik minat dan motivasi mereka untuk terlibat dalam sesi pembelajaran (Brandes & Ginnis, 1986; Meyer & Jone, 1993; Glasgow, 1997). Pendekatan ini akan meningkatkan minat dan motivasi pelajar serta mewujudkan suasana pembelajaran aktif. Justeru, guru hendaklah lebih bijaksana, kreatif dan mahir dalam memilih, merancang dan mengaplikasi sesuatu kaedah pengajaran agar segala objektif yang telah ditetapkan dapat tercapai dengan semaksimum mungkin.

Satu pengertian mengenai pendekatan pemusatan pelajar yang boleh difahami ialah:

"Ways of thinking and learning that emphasize student responsibility and activity in learning rather than what the teachers are doing. Essentially SCL has student responsibility and activity at its heart, in contrast to a strong emphasis on teacher control and coverage of academic content in much conventional, didactic teaching" (Cannon & Newble, 2000, h. 16).

Pengaplikasian M-Pembelajaran dalam Abad Ke-21

PAK-21 yang menekankan elemen komunikasi, kolaboratif, kritis dan kreatif memerlukan guru untuk mempelbagaikan pendekatan PdPc. Sehubungan dengan itu, pendekatan melalui pembelajaran membuka ruang interaksi yang lebih luas antara guru dengan pelajar, pelajar sesama pelajar dan juga pelajar dengan bahan pembelajaran.

M-pembelajaran (*Mobile Learning*) boleh ditakrifkan sebagai pembelajaran menggunakan peranti atau teknologi yang bersifat mudah alih (Nik Mastura, Mohd Nor, & Posiah, 2011;

Saedah Siraj & Muhammad Helmi, 2012) seperti penggunaan komputer riba dan telefon bimbit sebagai medium pembelajaran (Issham, Rozhan, Azidah, & Munirah, 2010; Cochrane, 2010). Selain itu, m-pembelajaran juga dilihat sebagai revolusi daripada pembelajaran elektronik (e-Learning) dan pembelajaran teradun (*blended learning*) (Sølvberg & Rismark, 2012; Supyan, Mohd Radzi, Zaini, & Krish, 2012). Menurut Issham, Rozhan, et al. (2010), penggunaan pelbagai peranti mudah alih dalam pembelajaran merupakan seni dalam penggunaan teknologi untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran.

Konsep m-pembelajaran didefinisikan sebagai pembelajaran yang tidak terikat dengan ruang masa dan tempat, bersifat mudah alih dari segi fungsi dan teknologinya, peralatan dan kelengkapan belajar, persekitaran, dan individualisme (Saedah Siraj & Muhammad Helmi, 2012). Aspek mobiliti dalam konsep m-pembelajaran ini dapat dikelaskan mengikut tiga aspek utama iaitu mobiliti teknologi, yang merujuk kepada kemajuan teknologi tanpa wayar; mobiliti pembelajaran, yang merujuk kepada isi pembelajaran bersifat mudah alih; dan mobiliti pelajar iaitu keberadaan pelajar tidak terikat dengan masa dan tempat (Nor Fadzleen, Halina, & Ibrahim, 2013). Dengan m-pembelajaran, pelajar boleh berinteraksi dengan maklumat tanpa batasan dan membolehkan pembelajaran berkembang tanpa terikat dengan masa (Tan, Ng, & Lee, 2013). Guru hanya perlu membimbing pelajar untuk mencari maklumat dan pelajar membina pengetahuan mereka berdasarkan maklumat yang diperoleh (Robiah & Nor Sakinah, 2007), bertepatan dengan pendapat bahawa teknologi tanpa wayar dapat meningkatkan kolaboratif (Barker et al., 2005; Nik Mastura et al., 2011).

Melalui prinsip ini, persekitaran pembelajaran berubah daripada '*chalk and talk*' kepada penggunaan pendekatan berasaskan teknologi, menjadikan peranti bersifat mudah alih sebagai salah satu medium untuk menyampaikan isi pelajaran. Secara tidak langsung, hal ini membolehkan pembelajaran berlaku 'di luar kelas' di mana guru berperanan sebagai pemudahcara bagi mencapai isi pelajaran (Sølvberg & Rismark, 2012). Kelebihan yang terdapat pada m-pembelajaran membolehkan pelajar mengalami pendekatan berbeza berkaitan proses pembelajaran mereka (Issham, Thenmolli, P.P Koh, & Rozhan, 2010).

Secara kesimpulannya, pengamalan m-pembelajaran berbalik semula kepada guru dan pelajar untuk memilih ruang pembelajaran bebas atau terikat dengan kelas kerana kaedah tradisional dan teknologi saling memiliki kelebihan dan kekurangan (Sølvberg & Rismark, 2012). Inovasi teknologi yang pelbagai dapat memajukan kehidupan manusia, tetapi kejayaan penggunaannya bergantung kepada manusia itu sendiri. Penggunaan pelbagai variasi peranti mudah alih yang semakin meluas memberi peluang kepada pelaksanaan m-pembelajaran dalam pendidikan dan memungkinkan kajian terhadap kesesuaiannya untuk pembelajaran abad ke-21.

Metodologi Kajian

Satu kajian dijalankan untuk mengetahui cabaran yang dihadapi oleh guru novis Pendidikan Islam dalam melaksanakan pedagogi PAK-21. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian kes pelbagai yang melibatkan 10 orang guru novis Pendidikan Islam di 10 buah sekolah menengah harian biasa di beberapa buah negeri di Malaysia. Pemilihan peserta kajian telah dibuat berdasarkan kaedah persampelan bertujuan, iaitu pengkaji memilih individu yang dapat membantu pengkaji memahami fenomena yang sedang dikaji (Creswell, 2007). Peserta kajian yang dipilih ini merupakan mereka yang telah memenuhi kriteria kajian, iaitu guru novis yang berkhidmat kurang dari lima tahun dan mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. 10 orang guru novis Pendidikan Islam ini (diberikan nama

samaran) adalah terdiri daripada Puan Malina, Puan Rosnah, Puan Rozita, Cik Syuhada, Cik Hafira, Cik Suhaila, Encik Kamal, Encik Razlan, Encik Zamrizal dan Encik Arifin.

Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini adalah melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Temu bual separa berstruktur dilakukan bersama informan yang berakhir dalam jangka masa satu jam setengah. Analisis tematik telah dilakukan terhadap data yang diperolehi bagi mengenalpasti tema-tema penting berkaitan kajian. Dalam kajian kualitatif, proses analisis perlu berjalan serentak dengan proses pengumpulan data demi mengelakkan pengkaji daripada kehilangan maklumat penting disebabkan lambakan data yang tidak diurus dengan segera (Bogdan & Biklen, 1992). Dalam kajian ini proses analisis data berlaku sebaik sahaja selesai pemerhatian dan temu bual pertama dijalankan. Rakaman video dan transkripsi yang disediakan telah dilihat dan dibaca berulang kali bagi memastikan pengkaji dapat memahami data yang ada. Setiap kali transkrip dibaca, pengkaji akan mencatat kod yang bersesuaian, atau persoalan yang timbul untuk ditanyakan dalam sesi temu bual seterusnya.

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan guru novis pendidikan Islam telah mengaplikasikan pembelajaran abad ke-21 dalam pengajaran mereka. Mereka mempunyai kaedah dan strategi tertentu dalam melaksanakan pembelajaran tersebut bersesuaian dengan kemampuan dan kecenderungan pelajar mereka. Namun, dapatan mendapati terdapat dua cabaran yang dominan yang menghalang mereka untuk mengaplikasikan pembelajaran abad ke -21 dengan lebih efektif.

Cabaran dalam Mengaplikasikan Pendekatan Pembelajaran Aktif

Guru novis Pendidikan Islam merasakan bahawa pendekatan PAK-21 adalah membebankan berpunca daripada salah faham yang timbul. Mereka berpendapat bahawa pelaksanaan PAK-21 adalah terikat dengan beberapa teknik dan kaedah sahaja. Hal ini dapat diamati melalui penjelasan mereka dalam temu bual yang telah berlangsung. Mereka menjelaskan pengalaman mereka yang sukar untuk menyampaikan topik yang hendak diajar menggunakan kaedah pembelajaran yang terdapat di bawah PAK-21 kerana pelajar tidak berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang dirancang.

“Kaedah yang cikgu patut guna dalam PAK-21 macam *Gallery Walk, Fan & Pick, Round Robin* tu bukan senang nak buat dalam kelas...susah nak pastikan semua pelajar boleh terlibat...” (Puan Rosnah)

“Saya pernah guna kaedah *Jigsaw, Problem Solving* dan *Gallery Walk* ...aduh...tak dapat sambutan... pelajar macam tak berminat, jadi susah nak ajak mereka join aktiviti tu...” (Cik Syuhada)

“Memanglah saya tahu macamana [cara] nak gunakan semua kaedah yang ada bawah PAK-21 tu, tapi kalau kita sebagai cikgu buat, tapi pelajar tak berminat...tak bersungguhpun untuk ikut apa yang kita suruh, tak jadi jugak...*last last*... balik guna kaedah biasa jugak...mengajar macam biasa, *explain* topik kemudian soal apa yang pelajar tak faham..*then* terang semula sampai pelajar faham...” (Encik Razlan)

Kenyataan Puan Rosnah, Cik Syuhada dan Encik Razlan seolah-olah membayangkan kefahaman mereka bahawa pedagogi dalam PAK-21 mewajibkan guru untuk menggunakan kaedah-kaedah seperti itu. Jadi apabila mereka tidak berjaya mendapat sambutan daripada

pelajar, mereka merasakan yang mereka sudah gagal menjalankan PAK-21. Sedangkan apa yang dimaksudkan oleh PAK-21 adalah apa sahaja kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar (Aaron Johnson, 2013).

Sekiranya pelajar tidak berminat dengan sesuatu kaedah yang diperkenalkan, guru sebenarnya masih bebas untuk memilih kaedah yang lain. Hal ini kerana konsep utama dalam PAK-21 adalah pelaksanaan pembelajaran aktif berpusatkan pelajar yang melibatkan elemen 4K1N iaitu, 'Komunikasi', 'Pemikiran Kritis', 'Kreativiti', 'Kolaboratif' dan 'Nilai Murni dan Etika' (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Kefahaman yang agak kurang tepat ini menghalang matlamat dan fungsi sebenar PAK-21, iaitu untuk menjadi "pendekatan pembelajaran yang menyeronokkan di dalam bilik darjah".

Temu bual yang dijalankan juga mendapati informan kajian berhadapan dengan cabaran ketika cuba menjadi pembimbing atau fasilitator kepada pelajar mereka. Mereka memberitahu walaupun telah membimbing pelajar mereka untuk terlibat secara aktif dalam kaedah seperti *traffic light*, *gallery walk* dan *parking lots*, namun pelajar masih tidak aktif seperti yang sepatutnya.

"Teruklah kalau nak kena bimbing *sorang sorang* pelajar...bukannya sikit (bilangan) pelajar dalam kelas...ramai.. ada yang mencecah 45 orang sekelas...mana larat nak tengok kerja atau *peta I think sorang* demi *sorang*...kadang saya buat jugak secara berkumpulan, senanglah sikit nak bimbing...tak buang masa. Kalau tak, entah apa yang mereka dapat..." (Puan Malina)

"Kalau nak jadi fasilitator untuk program-program lain, macam program-program motivasi, persediaan menjawab soalan *exam*...semua tu bolehlah..tapi kalau nak buat macam tu masa dalam kelas, untuk mengajar topik yang baharu, memang tak jalan...mana *diaorang* (pelajar) boleh faham...takkan selesai topik tu nanti...buat *parking lots* semua tu...bukan semua pelajar yang boleh belajar kaedah macam tu..." (Encik Kamal)

"*Diaorang* (pelajar) seronok bila saya gunakan *system traffic light* atau gunakan laptop semasa mengajar, tapi masa saya yang guna lah...bila saya minta mereka buat kerja dalam kumpulan, untuk siapkan aktiviti untuk jawab soalan, tak semua pelajar yang buat...asyik-asyik pelajar yang sama jugak... bukan saya tak bagi *clue*, panduan untuk mereka siapkan, tapi mereka tak berminat...saya rasa saya dah habis daya ajar mereka *step by step*..." (Puan Rozita)

Dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran pemusatan pelajar dalam PAK-21, guru seharusnya faham bahawa mereka bukan sekadar dilihat sebagai penyampai ilmu semata-mata, tetapi juga perlu berperanan sebagai pembimbing dan fasilitator yang membantu dan memudahkan aktiviti pembelajaran. Justeru, guru perlu mengatasi cabaran yang timbul dengan mempelbagaikan kaedah dan teknik pembelajaran yang aktif. Guru juga perlu mengaplikasikan kemahiran psikologi dalam mendekati pelajar agar mereka dapat memainkan peranan dengan lebih baik dan merasa seronok untuk mengambil bahagian dengan aktif dalam kaedah pembelajaran.

PAK-21 menekankan agar peranan guru perlu berubah, di mana kaedah penerangan atau kuliah seharusnya dikurangkan. Sebaliknya guru akan lebih menggalakkan pelajar untuk meneroka dan memahami bahan ilmiah yang diperolehi. Guru bertindak sebagai fasilitator atau moderator yang merancang menyediakan input yang sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran di

dalam kelas. Pendekatan pemusatan pelajar yang berkesan akan mencetuskan perbincangan dalam kalangan pelajar serta merangsang pemikiran mereka agar dapat berfikir pada aras yang lebih tinggi (Glasgow, 1997).

Cabaran Pelaksanaan M-Pembelajaran dalam kalangan Guru Novis Pendidikan Islam

Selain daripada kesalah fahaman terhadap konsep PAK-21 serta pengaruh minat pelajar, kajian dilanjutkan dengan memberi fokus terhadap penggunaan m-pembelajaran bagi informan yang memahami konsep PAK-21. Berdasarkan perkongsian daripada informan, cabaran pelaksanaan m-pembelajaran yang dihadapi oleh infoman dapat dikelaskan kepada dua bahagian, iaitu cabaran dari segi pengetahuan dan kemahiran, serta perbezaan latar belakang pelajar.

Kekurangan Pengetahuan dan Kemahiran terhadap Penggunaan m-Pembelajaran

Cabaran paling ketara dalam temu bual yang dijalankan adalah berkaitan kekurangan pengetahuan dalam strategi PdPc menggunakan m-pembelajaran. Tidak semua informan menerima bimbingan berkaitan pengamalan m-pembelajaran dengan baik. Seperti respon daripada Cik Hafira yang menyatakan bahawa bimbingan hanya secara maya ketika pandemik mula merebak di Malaysia.

“Saya dan rakan guru sekolah diberikan taklimat dan berbengkel secara maya menggunakan *Google Meet* oleh guru ICT masa bulan Mac (tahun 2020) hari tu. Tetapi pelaksanaannya masih terhad bagi saya sebab saya masih perlukan masa untuk memahami dengan baik kandungan serta visi kurikulum baru [baharu]”, ujar Cik Hafira selaku guru yang baru bertugas pada penghujung tahun 2019.

Begitu juga respons Encik Zamrizal di mana beliau menghadiri bengkel pembelajaran maya secara sukarela anjuran Pusat Kegiatan Guru Daerah,

“Saya *join* [sertai] kerana minat. Di sekolah pun ada diberikan taklimat dan bengkel, cuma untuk mendalami dengan lebih lagi bagi memudahkan saya mengajar pelajar sepanjang cuti Covid-19 ni”. Beliau mengikuti bengkel tersebut kerana minat dan atas sukarela bagi membantu pelajar untuk mencapai bahan pembelajaran walaupun mereka tidak hadir ke sekolah.

Beliau turut menambah bahawa rujukan juga adalah sangat terhad. “Kalau rujuk dengan orang pun, tiada [sesiapa] yang boleh ajar dengan baik. Contohnya kan, kalau kita guna pun *m-learning* ni untuk fasa pandemik untuk PdPc jarak jauh bila pelajar tidak hadir [ke sekolah], tapi tiada *guide* [bimbingan] macam mana [bagaimana] kita mahu masukkan elemen 4K dalam PAK-21. Jadi, atas usaha dan fikiran sendiri tu lah saya cuba menyusun dan menggabungkan pengetahuan yang ada”.

Manakala bagi Cik Suhaila pula, meminati seni teknologi menjadikan beliau suka untuk menerokai penggunaan peranti dan aplikasi baharu dalam bidang pendidikan.

“Saya hadiri pelbagai bengkel, masuk dalam group guru ICT di Telegram, cuba pelbagai aplikasi seperti edit video, buat *sites* di *Google*, *try* [mencuba] AR [*augmented reality*] dan AI [*artificial intelligence*] *technology*... Tapi itulah... hanya tahu dan boleh kongsi.. Saya tidak dapat membangunkan atau menggunakan sepenuhnya kebolehan tu untuk subjek saya sendiri...”

Daripada perkongsian beliau, jelas terdapat satu kekangan yang dihadapi oleh guru novis, iaitu bagaimana cara menggabung jalin pengetahuan teknologi dengan isi pembelajaran sesuatu subjek, khususnya Pendidikan Islam. Sikap tiga informan terawal adalah berbeza dengan informan keempat dalam bidang mendalami ilmu teknologi. Didapati bahawa terdapat informan yang tidak berusaha untuk memperkembangkan kemahiran yang dimiliki, sebaliknya hanya menunggu tawaran untuk menghadiri kursus atau bengkel berkaitan. Hal ini dinyatakan sendiri oleh Encik Arifin dalam temu bual yang dijalankan bersama beliau dalam kajian ini, “Saya akan ikut [menyertai] bengkel atau kursus berkaitan m-pembelajaran sekiranya ditawarkan.. Tapi hanya untuk dapatkan pengetahuan asas dan sekiranya ditawarkan... Kalau atas usaha sendiri, jujur saya katakan saya tiada usaha untuk mengikutinya”.

Berdasarkan temu bual ini, didapati bahawa kemahiran penggunaan peranti mudah alih dalam m-pembelajaran bukan menjadi suatu kekangan kecuali bagi Encik Arifin. Cabaran yang lebih mendalam bagi mereka yang meminati teknologi adalah bagaimana untuk adaptasi pengetahuan dan kemahiran teknologi serta kaedah PAK-21 ke dalam isi pembelajaran dan kurikulum Pendidikan Islam. Namun, ketiadaan tenaga mahir yang menguasai elemen tersebut untuk dirujuk menjadi kekangan utama bagi mereka, seperti dapatan sokongan daripada kajian lepas yang dijalankan oleh Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2017), Nurzarina dan Roslinda (2017) serta Mashira Yahaya et.al. (2019).

Latar Belakang Pelajar adalah Berbeza

Dari segi persiapan peralatan guru, informan mempunyai talian internet serta peranti mudah alih yang menyokong m-pembelajaran. Tetapi kelemahan infrastruktur dialami oleh pelajar. Setiap pelajar datang daripada latar belakang yang berbeza. Tidak semua pelajar mampu menghadiri kelas maya dan memberi respon ketika m-pembelajaran berlangsung atas sebab ketiadaan internet ataupun peranti yang terpaksa dikongsi dengan ahli keluarga yang lain.

“Hampir semua pelajar ada [memiliki] telefon pintar, tapi tidak mampu *topup* [tambah nilai] langganan internet selalu. Kos dorang [mereka] jadi tinggi sebab hampir semua subjek menggunakan *Google Meet*. Tapi yang pasti semua subjek perlukan internet untuk akses bahan pembelajaran”, ujar Cik Hafira.

“*Phone* ada, internet pun ada. Tapi masih tidak mampu bagi komitmen kalau *Google Meet* sebab pelajar berkongsi *phone* dengan adik-beradik yang lain. rakan guru lain pun banyak yang membantu untuk berikan nota dan rakaman video bagi yang tidak mampu hadir *on time*”, (Cik Suhaila).

Permasalahan yang wujud hanya berkaitan peranti pelajar, bukan lagi kesediaan peralatan guru seperti yang dinyatakan oleh (Muhamad Khairul Ahmad et al., 2019). Pendapat ini selari dengan kajian Aliff Nawi dan Mohd Isa Hamzah (2013) iaitu GPI bersedia menggunakan bahan dalam bentuk teknologi mudah alih sekiranya ia disediakan. Walaupun peranti tidak disediakan, pemilihan pelbagai peranti mudah alih dan telefon pintar telah menjadi satu keperluan kepada setiap guru.

Informan tetap optimis untuk menggunakan m-pembelajaran walaupun terdapat kekangan dari aspek kemahiran dan bimbingan. Perkara ini didorong oleh faktor penerimaan yang positif dalam kalangan pelajar mereka.

Cik Hafira turut menyatakan bagaimana perkongsian maklumat dan bahan antara sesama pelajar memudahkan mereka berinteraksi dengan bantuan m-pembelajaran,

“Pelajar lebih bersemangat untuk melaksanakan tugas yang diberikan secara *online*. Pelajar lebih senang berhubung sesama mereka untuk menyiapkan tugas berkumpulan yang diberikan melalui peranti mudah alih.”

Cik Suhaila turut berkongsi respon yang positif dalam penggunaan m-pembelajaran apabila beliau memerlukan bahan rujukan segera ketika PdPc berlangsung,

“...m-pembelajaran memudahkan guru berinteraksi tanpa terikat dengan masa dan tempat... Guru mudah untuk mencari bahan tambahan dan pelajar pun seronok bila guru berikan satu informasi yang baru dan menarik untuk *dorang* [mereka].”

Perkongsian maklumat baharu membantu perkembangan pengetahuan pelajar (Robiah Sidin & Nor Sakinah Mohamad, 2007). Tambahan pula apabila guru menggunakan teknologi bersama pelajar dapat memberikan mereka pengalaman baharu dalam mencari rujukan (Siti Nor Farhana & Siti Mistima, 2017). Walaupun latar belakang pelajar adalah berbeza, bimbingan daripada guru novis dapat memberikan pelajar pengetahuan dan pengalaman baharu dalam berinteraksi dengan teknologi. Tetapi, untuk melaksanakannya, guru novis terlebih dahulu perlu menjadi kreatif untuk menggunakan teknologi dengan baik disamping menyusun perancangan PdPc dengan teliti bagi meraikan perbezaan pelajar.

Kajian lepas mendapati bahawa tahap pemikiran pelajar yang berbeza menjadi salah satu cabaran kepada guru dalam PAK-21 (Che Noh, Omar, & Hussin, 2014; Norasmahani et al., 2015; Tengku Kasim, & Abdurajak, 2018; Nurzarina & Roslinda, 2017; Mashira Yahaya et al., 2019). Manakala kajian ini mendapati penerimaan pelajar yang berbeza antara setiap informan berpunca daripada aspek utama iaitu kesalah fahaman terhadap konsep PAK-21. Seperti yang sedia maklum, teknologi hanya alat untuk berhubung dan menyampaikan isi pembelajaran, namun keberkesannya bergantung dengan perancangan teliti oleh guru novis.

Penutup

Di Malaysia, secara teorinya, semua guru novis termasuk guru novis Pendidikan Islam telahpun dilatih dengan baik oleh institusi masing-masing bagi memenuhi tuntutan industri revolusi Pendidikan 4.0 dan juga PAK-21. Namun, transisi daripada guru pelatih kepada guru dalam perkhidmatan bukan mudah, kerana guru novis perlu berhadapan dengan realiti sebenar dalam memainkan peranan dan tanggungjawab yang mereka belum pernah alami semasa berada dalam latihan pendidikan guru. Peranan mereka tidak terhad kepada pembelajaran dan pemudah caraan (PdPc) sahaja, tetapi juga bertanggungjawab untuk memupuk akhlak pelajar untuk mencapai kehidupan seimbang, bertepatan dengan harapan Kementerian Pendidikan yang mahukan pendidikan yang holistik menerusi pembelajaran abad ke-21 (PAK-21). Justeru, semua guru novis perlu mengetahui dan memahami konsep PAK-21 dengan lebih tepat agar pedagogi yang digunakan dapat seiring dengan peredaran zaman bagi memastikan proses pembelajaran pelajar bukan setakat mengumpul ilmu pengetahuan, malah menguasai kemahiran abad ke-21 bagi menghadapi era globalisasi pada masa ini.

Penghargaan

Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Institut Pengurusan dan Pemantauan Penyelidikan (IPPP), Universiti Malaya kerana telah menyokong penyelidikan ini. Kertas kerja ini merupakan hasil daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Penyelidikan Fakulti GPF004L-2019.

Bibliografi

- Aaron Johnson (2013). Effective Methods for 21st Century Learning: A teacher Action Research Project. Meridian: A K-16. *School Computer Technologies Journal*, 1-13.
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen asas untuk latihan guru Pendidikan Islam. *GJAT*, 2(2), 53–63.
- Aliff Nawi, & Mohd Isa Hamzah. (2013). Tahap penerimaan penggunaan telefon bimbit sebagai m-pembelajaran dalam Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(1), 1–10.
- Azlin Sharina Abdul Latief, David, F., Calic, J., & Nuzul Haqimi Muhammad. (2018). Teachers' perceptions towards implementing mobile learning in rural Malaysia. *International MEDLIT Conference*, (March). Retrieved from <http://www.blueoceanstrategy.com/>.
- Badrul Hisham Alang Osman & Mohd Nasruddin Basar (2016). Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke- 21 Dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 10, 2016. Diakses pada 24 Januari 2019 dari <http://www.ipgmipoh.edu.my/journal/>
- Barker, A., Krull, G., & Mallinson, B. (2005). A proposed theoretical model for m-learning adoption in developing countries. *Proceedings of MLearning*, 1–11. Retrieved from <http://mlearn.org/mlearn2005/CD/papers/Barker.pdf>
- Bogdan, R. C., & Biklen, S.K. (1992). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods* (2nd ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Brandes, D., & Ginnis, P. (1986). *A guide to student centred learning*. Oxford, England: Blackwell.
- Cannon, R., & Newble, D. (2000). *A guide to improving teaching methods: A handbook for teachers in university and colleges*. London, England : Kogan Page.
- Che Noh, M. A., Omar, N., & Hussin, N. H. (2014). *Sumber Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit UKM.
- Chin, J. L. (2011). Women and Leadership: Transforming Visions and Current Contexts. *Forum on Public Policy: A Journal of the Oxford Round Table*, (2), 1–12.
- Cochrane, T. D. (2010). Exploring mobile learning success factors. *Research in Learning Technology*, 18(2), 133–148. <https://doi.org/10.1080/09687769.2010.494718>
- Cresswell, J.W. (2007). *Qualitative inquiry & research design* (2nd ed.). Thousand Oaks: Sages Publications, Inc.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi, Azimi Hamzah, & Lukman Abd Mutalib. (2013). Pemahaman dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan dalam Pengajaran. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 1-16.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria, & Salwa Mahalle. (2012). Innovation and Creativity in Teaching Islamic Religious Knowledge (IRK) at Secondary Schools in Brunei Darussalam. *International Journal of Arts and Sciences*, 5(5), 239-252.
- Glasgow, N. A. (1997). *New curriculum for new times: A guide to student-centred, problem based learning*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press, Inc.

- Goh, P. S. C., Noor Shah Saad & Wong, K. T. (2012). The 'Voices' of Beginning Teachers in Malaysia about Their Conceptions of Competency: A Phenomenographic Investigation. *Australian Journal of Teacher Education* 37(7): 58-70.
- Goh, P. S. C., Qismullah Yusuf & Wong, K. T. (2017). Lived Experience: Perceptions of Competency of Novice Teachers. *International Journal of Instruction* 10(1): 21-36.
- Husni Abdullah, Abd Razif Zaini, Khairatul Akmar Ab Latif, Hasanah Ihsan, Ku Fatahiyah Ku Azizan, & Wan Sakiah Wan Ngah (2018). *Pendidikan Abad Ke-21 Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Di Malaysia: Amalan Dan Cabaran*. Diakses pada 15 April 2019 dari <http://rnc.kuis.edu.my>.
- Issham Ismail, Rozhan M. Idrus, Azidah Abu Ziden, & Munirah Rosli. (2010). Adoption of mobile learning among distance education students in Universiti Sains Malaysia. *International Journal of Interactive Mobile Technologies (IJIM)*, 4(2), 24–28. <https://doi.org/10.3991/ijim.v4i2.1167>
- Issham Ismail, Thenmolli Gunasegaran, P.P Koh, & Rozhan M. Idrus. (2010). Satisfaction of distance learners towards mobile learning in the Universiti Sains Malaysia. *Malaysian Journal of Education Technology*, 10(2), 47–54.
- Joseph B. (2015). *Model Partnership for 21st Century Skills*. Diakses pada 3 Mei 2020 dari <https://www.imls.gov>
- Kamarul Azmi Jasmi. (2013). Pembelajaran aktif dalam Pendidikan Islam: Pengamalan guru cemerlang Pendidikan Islam. *Seminar Perneriksaan Pengajaran Agama Islam Di Malaysia (Seminar Empowerment Islamic Teaching in Malaysia)*, 1–16.
- Kamarul Azmi Jasmi, Nurliyana Ahmad Zawawi, & Siti Fauziyani Md Saleh. (2015). Students and School Learning Environment Motivate Success of Excellent Islamic Education Teachers. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(2), 83-92.
- Khadijah Alavi, et al. (2012). Kecerdasan Sosial dan Emosi Guru Cemerlang Pendidikan Islam dalam Meningkatkan Prestasi Pelajar. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 94-104.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Pembelajaran abad ke-21* (p. 102). p. 102. Retrieved from https://ms.wikipedia.org/wiki/Abad_ke-21
- Lokman Mohd Tahir, Mohd Nihra Mohd Said, Roslee Ahmad, Khadijah Daud, Bambang Sumitono & Suhana Yusoff (2014). Exploring the Induction Program for Novice Teachers. *Life Science Journal* 11(8): 394-406.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan, & Mohd Isa Hamzah. (2017). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru-guru Pendidikan Islam sekolah menengah di Selangor terhadap penggunaan multimedia dalam pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islamic and Civilization (ACER-J)*, 1(1), 1–13.
- Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman, Khairul Anuar Bahrin (2019). Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (Pak21) dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan. *Jurnal IPDA*, Bil. 26, 13-24.
- Mohd Faez Ilias, Kalthom Husain, Mohd Amin Mohd Noh, Zetty Nurzuliana Rashed, & Murihah Abdullah. (2016). Sumber bahan bantu mengajar dalam kalangan GPI sekolah bestari. *E-Academia Journal UiTMT*, 5(2), 106–114.
- Mohd Faez Ilias, Murihah Abdullah, Kalthom Husain, Kamarul Azmi Jasmi, Abdul Hafiz Abdullah, & Arief Sallah Rosman. (2016). Jenis-jenis sumber pengetahuan guru Pendidikan Islam dalam penggunaan bahan bantu mengajar di sekolah bestari. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 3(2), 41–54. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>

- Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) berdasarkan Model Dick and Carey di Negeri Perak. *International Academic Research Journal of Social Science*, 3(2), 1-9.
- Muhamad Khairul Ahmad, Nurul Munirah, Airil Haimi, Khamizatul Baizura, Nor Najihah, & Nur Insyirah. (2019). Education 4.0 Technologies for English Language Teaching and Learning in the Malaysian Context. *International Invention, Innovative & Creative (InIIC) Conference*.
- Mumtazul Fikri. (2011). Konsep Pendidikan Islam; Pendekatan metode pengajaran. *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 11(1), 116–128. <https://doi.org/10.22373/jiif.v11i1.66>
- Nik Mastura Nik Mohammad, Mohd Nor Mamat, & Posiah Mohd Isa. (2011). M-learning in Malaysia: Challenges and strategies. *The 3rd International Conference on E-Learning ICCEL2011, 23-24 November 2011, Bandung, Indonesia M-Learning*, 67(2012), 393–401. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.11.343>
- Norasmahani Hj Nor, Nur Sofiah Suhaimi, Nur Syamira Abdul Wahab, Mohd Khushairi Che Ismail, Mohd Aderi Che Noh, & Khadijah Abdul Razak. (2015). Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah: Satu Tinjauan di Putrajaya. Dlm Mahdum, S. S. Achmad, D. A. Natuna, Suarman, A. R. Ahmad, & M. H. Mohd Yasin (Eds.), *7th International Seminar on Regional Education* (hlm. 361–375). Furaya Hotel, Pekanbaru City, Riau: Universitas Riau Press.
- Nurzarina Amran & Roslinda Rosli (2017) *Kefahaman Guru Tentang Kemahiran Abad Ke-21* Diakses pada 15 April 2019 dari <http://conference.kuis.edu.my>.
- Orgoványi-Gajdos, J. (2015). Expert and Novice Teachers' Approaches to Problematic Pedagogical Classroom Situations. In *Proceedings of INTCESS15- 2nd International Conference on Education and Social Sciences*, edited by Ferit Uslu, Istanbul: International Organization Center of Academic Research.
- Oshrat-Fink, Y. (2014). From the Campus to the Classroom: A Narrative Theory of Novice Teachers' Transition Processes. *Reflective Practice* 15(6): 729-750.
- Robiah Sidin, & Nor Sakinah Mohamad. (2007). ICT dalam pendidikan: Prospek dan cabaran dalam pembaharuan pedagogi. *Jurnal Pendidikan*, 32, 139–152.
- Saedah Siraj, & Muhammad Helmi. (2012). *m-Learning: A new dimension of curriculum advancement*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Faizzatul Aqmal, Mohamad Mohsin & Razali Hassan (2011). Pengajaran dan Pembelajaran berasaskan 'Streaming Video' bagi meningkatkan tahap kefahaman pelajar Abad ke-21. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi Dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional CIE-TVT 2011*, 16-17 November 2011, Pulau Pinang. Diakses pada 20 April 2019 dari <http://eprints.uthm.edu.my>.
- Sølvberg Astrid, & Rismark Marit. (2012). Learning spaces in mobile learning environments. *Active Learning in Higher Education*, 13(1), 23–33. <https://doi.org/DOI:10.1177/1469787411429189>
- Tan Choon-Keong, Ng Shi Ing, & Lee Kean-Wah. (2013). Readiness for mobile learning at a public university in East Malaysia. In Mohamed Amin Embi & Norazah Mohd Nordin (Eds.), *Mobile Learning: Malaysian Initiatives & Research Findings* (pp. 27–37). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tengku Kasim, T.S.A., & Abdurajak, F.S. (2018). Issues and Challenges in Teaching and Learning: An Analysis of Islamic Education Novice Teachers' Practices. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 3(12), 99-109.

- Wan Ismail, W.A., Muhammad, W.I., Lubis, M.A., & Hamzah, M.I. (2016). Kesiediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 3(1), 79-92.
- Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Mohd Yakub@Zulkifli Mohd Yusof, Mohd Nordin Abdul Rahman, Mohd Sufian Mat Deris, Asyraf Ab Rahman, Fadzli Adam, Nurfaizah Fauzi. (2017). Learning al-Quran based on the mobile learning (m-Learning): A literature review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(4), 70–80. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v7-i4/2780>
- Wolff, C. E., Jarodzka, H. & Boshuizen, H. P.A. (2017). See and Tell: Differences between expert and novice teachers' interpretations of problematic classroom management events. *Teaching and Teacher Education* 66: 295-308.
- Zaiton Mustafa, & Hishamuddin Salim. (2012). Factors Affecting Students' Interest in Learning Islamic Education. *Journal of Education and Practice*, 3(1), 81-86.
- Zaiton Mustafa, & Najihah Abd Wahid. (2015). Student Diversity in Learning: A Need for Effective Teaching of Islamic Education. *Proceedings of ICIC2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century* (hlm. 233-236). Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.